

24 MAR 2000

PEG-AUTOMOTIF

PEG & GM LANCAR PROGRAM SELURUH APEC UTK BANTU SYARIKAT AUTO

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Perkongsian bagi Pertumbuhan Samarata Apec (PEG) telah bergabung dengan General Motor Corp (GM) dari AS untuk mengendalikan program pembangunan automotif seluruh Apec bagi syarikat-syarikat automotif kedil dan sederhana.

Program itu dilancarkan dan diumumkan di Seoul baru-baru ini apabila PEG dan GM menanda tangani satu perjanjian untuk mempercepatkan program Perantisan Automotif Apec (Apec AAA).

Di dalam satu kenyataan hari ini, ketua pegawai eksekutif PEG Dr Shafiq Sit Abdullah berkata bahawa matlamat program itu adalah untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat kecil dan sederhana di dalam rantau ini dan menyediakan mereka bagi pasaran global.

"Tinjauan masa depan bagi industri automobil di rantau Asia Pasifik adalah amat positif, dan program ini akan membantu syarikat-syarikat kecil dan sederhana di rantau Asia Pasifik bekerja di samping syarikat-syarikat global seperti GM di dalam satu perkongsian yang akan memberikan faedah bersama kepada syarikat-syarikat peserta," katanya.

Dr Shafiq menanda tangani perjanjian itu bagi pihak PEG manakala pengarah penjaga Usha Niaga Baru Rantau Asia Pasifik GM, Alan Perriton, menanda tangani bagi pihak GM.

Dr Shafiq berkata bahawa program AAA, yang mencontohi program GM, akan mengadakan peluang-peluang untuk syarikat-syarikat peserta untuk bekerja sama dalam bidang-bidang seperti pertukaran teknologi, peningkatan kecekapan kerja, reka bentuk produk dan dan pengurusan mutu produk.

"Ini akan merupakan program kerja sama teknologi ekonomi pertama Apec yang membabitkan sektor-sektor awal dan juga swasta," katanya.

Beliau berkata bahawa GM sebagai syarikat kereta terbesar di dunia telah cergas dalam mengujudkan kerjasama perniagaan dengan perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana.

"Dalam masa empat tahun lalu, GM menanda tangani banyak kontrak dengan syarikat-syarikat automobil terutamanya perniagaan kecil dan sederhana," katanya.

Perriton berkata GM telah mengambil langkah-langkah untuk mencari cara-cara menggalakkan bidang lebih luas syarikat-syarikat kecil dan sederhana untuk menyertai di dalam rancangan pembeliannya AS\$10 bilion (RM38 bilion) GM.

PEG yang ditubuhkan pada 1998 melalui mandat daripada Pemimpin-pemimpin Ekonomi KERjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), bertujuan menyalurkan usaha-usaha untuk melihat pembangunan seimbang dan persaingan lebih adil di kalangan negara-negara anggota Apec.

Penaung pengasas PEG ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Lembaga Pengarahnya terdiri daripada anggota-anggota utama Majlis Penasihat Perniagaan Apec. -- BERNAMA

RIZ FR OS